

Artikel Asli

# Migrasi Rentas Sempadan Etnik Rohingya dan Implikasi Terhadap Malaysia

Intan Suria Hamzah<sup>1</sup>, Sity Daud<sup>1</sup>, Nor Azizan Idris<sup>1</sup>, Muhammad Shamshinor Abdul Azzis<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan & Sains Sosial, Universiti Selangor, Kuala Selangor, Selangor, Malaysia.

## Progres Artikel

Diterima: 31 Mei 2016

Disemak: 8 Jun 2016

Diterbit: 16 Jun 2016

\*Corresponding Author:  
Intan Suria Hamzah, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, UKM Bangi.  
Email:intansuria.hamzah@gmail.com

**Abstrak:** National security landscape has undergone an inclusive dynamics through the threat of cross-border migration process. This study aims to discuss the migration of the Rohingya's ethnic to Malaysia. Analysis of non-traditional's threats in interpreting internal security challenge to Malaysians are the main elements of the discussion in this study. Through a qualitative study and validation of accuracy of procedural information, this study argues that three non-traditional's threats to human trafficking, local colony formation, and cross the border illegally as the underlying impact of migration among the Rohingya. In addition, the pressure of social responsibility on human factors also contributed constraints of national security policy based on the image of Malaysia. Thus, several proposals were discussed to contribute to policy-makers regarding the cross-border migration in Malaysia.

**Keywords:** *Cross-border migration, refugee, Rohingya, threat, human trafficking*

**Abstrak:** Lanskap keselamatan negara telah mengalami dinamika yang inklusif melalui ancaman daripada proses migrasi rentas sempadan. Kajian ini bermatlamat membincangkan faktor migrasi etnik Rohingya ke Malaysia. Analisis bentuk ancaman bukan tradisional yang menginterpretasi cabaran keselamatan dalaman terhadap rakyat Malaysia merupakan elemen diskusi utama dalam kajian ini. Melalui rekabentuk kajian kualitatif dengan validasi ketepatan maklumat berprosedur, kajian ini menghujah tiga ancaman bukan tradisional iaitu pemerdagangan manusia, pembentukan koloni setempat dan rentas sempadan secara haram sebagai impak yang mendasari migrasi dalam kalangan etnik Rohingya. Selain itu, tekanan tanggungjawab sosial atas faktor kemanusiaan turut menyumbang kekangan pelaksanaan polisi berdasarkan citra keselamatan negara Malaysia. Demikian itu, beberapa cadangan turut dibincangkan bagi memberi sumbangan kepada pembuat dasar berkenaan migrasi rentas sempadan di Malaysia.

**Kata Kunci:** *Migrasi rentas sempadan, pelarian, Rohingya, ancaman, pemerdagangan manusia*

## Pengenalan

Isu migrasi rentas sempadan pendatang asing ini adalah isu global, ianya turut berlaku di negara-negara sedang membangun dan negara maju yang mempunyai pelbagai faktor daya tarikan seperti peluang ekonomi, pekerjaan, kestabilan, keamanan serta untuk mendapatkan perlindungan. Negara Amerika, Kanada, Australia, Malaysia dan Arab Saudi antara negara-negara yang menjadi pilihan pendatang asing sama ada secara sah atau tidak sah. Dalam konteks Malaysia, pelbagai usaha yang dilakukan oleh kerajaan seperti mempertingkatkan kawalan sempadan telah dilaksanakan bagi mengekang kemasukan secara tidak sah (Amarjit Kaur 2014: 353). Ini kerana kemasukan pendatang asing tanpa izin ini pelbagai masalah dari aspek ekonomi, sosial dan keselamatan negara mahupun masyarakat telah timbul dalam negara destinasi. Keselamatan membawa erti bebas daripada ancaman manakala dalam disiplin pengajian politik, istilah ini boleh merujuk kepada keselamatan ekonomi dan keselamatan politik. Dalam disiplin keselamatan, istilah ini dikaitkan dengan keselamatan negara iaitu idea asalnya dicetuskan oleh Amerika Syarikat selepas tamatnya Perang Dunia ke-2 (Triut & Harf 1982: 1). Krisis ekonomi Asia merupakan era penghijrahan berskala besar masyarakat dunia kerana kebanyakannya mereka ini kehilangan punca rezeki, diberhentikan kerja dan muflis. Krisis ekonomi 1997/1998 telah menjelaskan ekonomi negara-negara Asia Timur dan Asia Tenggara seperti Korea Selatan, Jepun, Thailand, Indonesia dan Malaysia. Kesan dari krisis ekonomi ini telah berjaya mengancam keselamatan insan dan memaksa masyarakat negara berhijrah. Namun begitu situasi diatas adalah berbeza dengan Negara Myanmar kerana Krisis ekonomi 1997/1998 tidak menjelaskan negaranya kerana telah sedia ada berada di bawah kemiskinan maka ianya tidak memberi impak seperti apa yang dialami oleh negara asia tenggara yang lain.

Menyelusuri masalah yang dihadapi oleh negara Myanmar atau Burma dan kaitannya dengan migrasi adalah berpunca daripada masalah politik dalamannya. Krisis penghijrahan di Myanmar ini melibatkan etnik Rohingya iaitu kaum minoriti Muslim yang tinggal di bahagian utara Myanmar iaitu wilayah Arakan atau Rakhine. Mereka ini telah dipaksa benghijrahan atau melarikan diri kerana keselamatan insan dan nyawa telah diancam oleh pemerintah negara, tentera, golongan sami serta masyarakat beragama Buddha secara meluas. Ancaman yang dilakukan melibatkan diskriminasi dalam mengamalkan agama, budaya, sekatan dalam aktiviti harian, pekerjaan, kemudahan, pendidikan, pembunuhan, penyiksaan, tidak diiktiraf sebagai warganegara dan penghapusan etnik secara terancang. Demikian itu, melalui ancaman yang diberikan telah memaksa etnik Rohingya ini menjadi pendatang asing tanpa izin di

negara sendiri dan menjadi pelarian di negara lain seperti Bangladesh, Indonesia, Thailand, Arab Saudi dan Malaysia.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, data primer dijalankan melalui temubual intensif dengan informan yang terlibat dalam mengendalikan pendatang asing dan pelarian Rohingya di Malaysia seperti pegawai dan anggota Imigresen, Polis, KDN, APMM dan MAPIM (NGO). Data sekunder pula dikumpul melalui data atas talian daripada website badan penguatkuasa negara serta kajian kepustakaan menerusi tesis, artikel jurnal dan akhbar bagi mendapatkan maklumat semasa.

## Keputusan & Perbincangan

Orang Rohingya menjadi pelarian adalah disebabkan faktor perlembagaan yang sering dipinda dan faktor pemerintahan yang selalu bertukar ganti. Bermula dengan Akta Warga Asing 1864 sehingga Undang-undang Kewarganegaraan Myanmar 1982 serta Myanmar tidak mempunyai apa-apa peruntukan undang-undang yang jelas bagi orang Rohingya. Mereka ini berada dalam situasi tidak mempunyai kerakyatan. Akta Kewarganegaraan Kesatuan 1948 yang digubal oleh British, juga menidakkan hak orang Rohingya untuk menjadi sebahagian daripada warganegara Myanmar dengan mudah. Walau bagaimanapun, dalam akta ini terdapat sedikit ruang yang memungkinkan orang Rohingya menjadi warganegara Myanmar di bawah pemerintahan British ketika itu. Semenjak Myanmar diperintah oleh rejim tentera yang merampas kuasa pemerintahan sivil U Nu pada tahun 1962, boleh dikatakan bermulanya babit penafian secara keras mengenai kewarganegaraan orang Rohingya di Myanmar. Ketika Myanmar di bawah pemerintahan Jeneral Ne Win sebagai ketua rejim, orang Rohingya dilabelkan sebagai pendatang asing tanpa izin (PATI) kerana dikatakan golongan ini telah dibawa masuk oleh penjajah British suatu ketika dahulu walaupun rekod sejarah mengatakan orang Rohingya telah menetap di Arakan seawal tahun 1430 di bawah pemerintahan Raja Arakan ketika itu iaitu Narameikhla yang mempunyai kira-kira 30,000 orang tentera Muslim (Moshe 2002: 23-24).

Pada tahun 1974 perlembagaan baru telah dibentuk oleh kerajaan junta Myanmar dan Akta Immigresen 1974 di dalamnya telah menafikan secara jelas hak orang Rohingya sebagai warganegara Myanmar yang sah dan mereka dilabelkan sebagai PATI. Justeru kesan daripada undang-undang yang digubal oleh rejim Myanmar telah disusuli oleh suatu operasi besar-besaran yang dinamakan Naga Min atau Raja Naga pada tahun 1977. Operasi yang dianggap kejam ini telah memaksa

orang Rohingya menjadi pelarian dan mereka secara beramai-ramai telah lari meninggalkan kampung halaman ke tempat yang difikirkan selamat dan dekat. Dianggarkan kira-kira seramai 200,000 orang Rohingya telah lari beramai-ramai ke Bangladesh pada tahun 1978. Setelah berada di sana selama 16 bulan, kebanyakannya orang Rohingya dipaksa pulang semula ke tempat asal mereka di Myanmar iaitu kesan daripada perjanjian dua hala oleh kerajaan Bangladesh dengan junta Myanmar. Dalam tempoh tersebut, dianggarkan 10,000 orang telah mati majoritinya adalah wanita dan kanak-kanak disebabkan kekurangan zat makanan dan penyakit berjangkit. Walau bagaimanapun, gelombang kedua pelarian Rohingya ke Bangladesh seramai 250,000 orang telah berlaku sekitar pertengahan tahun 1991 hingga awal 1992 disebabkan berlakunya pencabulan hak asasi manusia ke atas mereka di samping undang-undang Myanmar yang menjadikan mereka pendatang haram di bumi sendiri telah menyebabkan mereka dalam situasi tidak mempunyai kerakyatan. Undang-undang Kewarganegaraan Myanmar 1982 yang digubal dikatakan telah mengugat asas-asas dalam prinsip undang-undang antarabangsa yang menjadikan sesebuah bangsa berada dalam situasi tidak mempunyai kerakyatan dalam sebuah negara. Undang-undang yang bersifat diskriminasi ini juga memaksa orang Rohingya mengemukakan bukti yang mereka telah menduduki Rakhine sebelum tahun 1823 lagi. Rejim junta yang menggunakan gelaran The State Peace and Development Council (SPDC) telah menolak bangsa Rohingya sebagai salah satu etnik dalam masyarakat Myanmar (Maung Maung 1961: 94-96).

Selepas kemerdekaan Myanmar, pada 4 Januari 1948, terdapat 19 operasi ketenteraan di wilayah penempatan Rohingya dijalankan dengan alasan untuk mengawal rusuhan daripada berlaku. Tetapi hakikat sebenar yang berlaku adalah 19 operasi-operasi pembunuhan, pengusiran, pencerobohan masjid dan tempat ibadah, pemusnahan sumber pendapatan, dan rampasan ladang-ladang serta tempat tinggal. Antara 19 operasi ini, operasi *Burma Territorial Force* (BTF) adalah yang paling kejam sekali. Kerajaan tentera tempatan yang dipenuhi oleh etnik Buddhist telah membunuh, merogol, membuat kemusnahan dan melaksanakan undang-undang sesuka hati. Akhirnya ia mengakibatkan ribuan penduduk muslim Rohingya terpaksa lari meninggalkan tempat tinggal mereka. Operasi lain yang tidak berperikemanusian seperti operasi Nagamin (King Dragon) pada tahun 1978. Dalam operasi ketenteraan ini, seramai 300,000 etnik Muslim Rohingya dihalau keluar daripada perumahan mereka dan hampir suku daripadanya dibunuh. Hampir 2 juta penduduk Rohingya telah memilih untuk hidup dalam buangan dan ketidaktentuan. Dapat dilihat operasi-operasi ketenteraan masih terus dijalankan oleh kerajaan Burma sejak tahun 1948 sehingga hari ini.

Setiap tahun mereka melakukan dasar pengusiran dan penghapusan etnik terhadap etnik Rohingya, cuma yang membezakan keadaan dari semasa ke semasa adalah dari segi jumlah yang berhijrah dan jumlah kematian. Mereka hidup sebagai pelarian yang tidak diingini dan pendatang asing tanpa izin di negara Bangladesh, Pakistan, Arab Saudi, Thailand, Malaysia dan UAE.

Walaupun dunia telah mempunyai bukti yang jelas tentang serangan dan kekejaman kerajaan junta Myanmar ke atas etnik Rohingya, namun sukar untuk memulihkan keadaan kerana Myanmar telah menolak sepenuhnya etnik Rohingya ini bukan warganegaranya dan menegaskan mereka adalah warganegara Bangladesh serta mempunyai persamaan dengan masyarakat di Chittagong. Selain itu, tindakan ketenteraan Myanmar juga turut menyebarkan dakyah kebencian terhadap masyarakat Islam dengan berjaya mempengaruhi pemikiran rakyat Myanmar bahawa Rohingya adalah ‘Chittagonians’ dari Bangladesh. Menurut Chris Lewa (2003) dalam Forum Asia, mengatakan Rohingya sedang didiskriminasi atas dasar etnik dan agama mereka. Mereka tidak dimasukkan dalam proses pembinaan negara di Myanmar dan rejim tentera telah melaksanakan dasar-dasar pengecualian dan diskriminasi terhadap kumpulan ini bertujuan untuk menggalakkan mereka supaya meninggalkan negara Myanmar. Dasar-dasar yang sistematik telah berjaya mengekalkan kemunduran etnik Rohingya dan meransang mereka ini menjadi pelarian besar-besaran ke Bangladesh pada tahun 1978, 1991 dan 1992.

Gabungan pelanggaran hak asasi manusia, penafian status undang-undang untuk sekatan pergerakan dankekangan ekonomi terhadap etnik Rohingya telah berjaya mewujudkan rasa tidak selamat untuk menjalani kehidupan dan mencari makanan. Kanak-kanak Rohingya khususnya adalah mangsa yang tidak bersalah dan menderita akibat kelemahan dasar-dasar kerajaan seperti diskriminasi dalam segala aspek kehidupan dan akses contohnya tiadanya sekolah awam, penjagaan kebijakan kesihatan untuk mereka dan kemiskinan tegar. Hal ini telah memberi kesan kepada pembangunan fizikal dan mental mereka secara berpanjangan untuk masa depan masyarakat Rohingya. Justeru melalui pandangan diatas, dapat dirumuskan bahawa situasi etnik Rohingya di Myanmar ini bertepatan dengan andaian yang dinyatakan oleh Amartya Sen (1999) iaitu pembangunan ekonomi tidak akan bermakna jika individu dan masyarakat tidak mendapat hak dan kebebasan dalam kehidupan sehari-hari mereka sehingga memaksa diri menjadi mundur, terseksa dan mlarikan diri ke negara lain.

#### ***Migrasi Rentas Sempadan Dan Pemerdagangan Manusia: Rohingya Dieksplotiasi***

Pada 10 Mei 2015, seramai 1,158 orang PATI Rohingya dan Bangladesh yang terdiri daripada 993 lelaki, 104 perempuan dan 61 kanak-kanak telah dicatatkan tiba di Pulau Langkawi, Kedah. Daripada jumlah tersebut, seramai 486 orang merupakan warga Myanmar manakala 672 orang adalah warga Bangladesh. Susulan kejadian itu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengadakan satu Mesyuarat Penyelarasan antara agensi bagi membincangkan mengenai isu kebanjiran PATI ini pada 12 Mei 2015 yang melibatkan Kementerian Luar Negeri (KLN), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) (Kenyataan Media KDN 2015). Keputusan bersama telah diperolehi daripada semua pihak agensi penguatkuasa Malaysia iaitu bersetuju untuk membawa kesemua PATI tersebut dipindahkan ke Depoh Tahanan Imigresen Belantik, Kedah. Proses perpindahan tersebut melibatkan JIM, Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM), Polis Marin PDRM dan APMM. Proses perpindahan kesemua PATI tersebut dilaksanakan secara berperingkat mulai 12 Mei 2015. Sebagai langkah segera bagi membendung insiden yang sama berulang, kerajaan Malaysia telah berusaha mengadakan perbincangan segera dengan negara sumber iaitu Bangladesh dan Myanmar. Ini kerana terdapat elemen penyeludupan migran ekoran kerelaan PATI terbabit untuk datang ke Malaysia dan melibatkan berlakunya sindiket pemerdagangan manusia. Pihak Thailand juga telah dilibatkan di dalam perbincangan ini susulan daripada kes-kes penyeludupan migran menerusi sempadan Malaysia-Thailand yang melibatkan PATI Rohingya dan Bangladesh.

Menurut PDRM & UNCHR Malaysia (2015) menjelaskan penghijrahan pelarian etnik Rohingya ini adalah amat sukar untuk menyeberangi wilayah-wilayah Myanmar menggunakan jalan darat dan melalui negara Thailand sebagai jalan utama untuk mlarikan diri kerana banyak sekatan badan penguatkuasa dalam negara. Oleh itu, kebanyakan mereka akan tiba dengan bot-bot kecil di negara-negara Asia Tenggara ke destinasi pilihan sama ada dari Myanmar atau Bangladesh (Danish Immigration Service 2011: 45). Namun yang amat dikesali, penghijrahan pelarian ini sering dieksloitasi sehingga menjadi mangsa pemerdagangan manusia yang menyebabkan mereka menderita mahupun terkorban seperti tragedi di Wang Kelian dan Padang Besar, Perlis.

Kedatangan PATI Bangladesh dan pelarian dari Myanmar pada kali ini berskala besar iaitu dalam jumlah yang ramai, membimbangkan rakyat dan kerajaan Malaysia. Begitu juga dengan Thailand dan Indonesia yang turut berkongsi kerisauan dan kerumitan ini kerana ianya melibatkan isu rentas sempadan, keselamatan negara dan keselamatan manusia iaitu samaada individu yang mendarat di perairan dan sempadan negara

mahupun masyarakat tempatan yang sedang menjalani kehidupan sehari-hari mereka. Dari ribuan yang telah mendarat di tiga buah pantai, masih terdapat ratusan dan ribuan lagi pelarian ini sama ada di atas laut, mendarat di pulau-pulau di Indonesia atau mati lemas di lautan. Malaysia juga sekali lagi digemparkan dengan penemuan 139 kubur yang dikesan pihak berkuasa di 28 kem transit yang dibina oleh sindiket pemerdagangan manusia di sepanjang sempadan negara Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar telah mengerahkan kira-kira 300 anggota pasukan komando VAT-69 ke kawasan terbabit untuk menggeledah hutan tebal di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand bagi mengesan aktiviti dan bukti-bukti pemerdagangan manusia (Zaain, 2015).

Dari sumber diplomatik yang terlibat dalam menguruskan isu Rohingya ini menyatakan bahawa etnik Rohingya telah berada di seluruh Asia Timur. Manakala Thailand telah dikenal pasti sebagai transit atau titik pendaratan etnik Rohingya yang hendak memasuki Malaysia. Malaysia dianggap sebuah negara yang selamat dan negara Islam yang mudah untuk dimasuki kerana kurangnya sekatan di sempadan dan mudah mendapatkan akses kepada pekerjaan walaupun secara haram selain faktor agama yang sama. Mereka juga boleh mendaftar dengan UNHCR di Malaysia sebagai pelarian. Atas faktor tersebut, maka semakin meningkat kes-kes penyeludupan bermula pada tahun 2009, 2012 dan tahun 2015. Bangladesh pula, dikenalpasti sebagai lokasi tempat pengumpulan dan pelabuhan bot-bot pengangkut pelarian Rohingya dan penyeludupan migran Bangladesh. Bot-bot yang berlepas dari Bangladesh dianggarkan jumlahnya kira-kira 12 bot dengan anggaran 600-700 orang penumpang pada satu masa. Dengan tidak mempunyai sebarang bentuk pengenalan diri, dokumen perjalanan yang sah dan tiadanya perlindungan keselamatan, terdedah kepada cuaca tidak menentu dan masalah kesihatan seperti demam, dihidrasi dan kebuluran meningkatkan risiko keselamatan mereka. Agen-agen di Bangladesh terlibat dalam membuat keuntungan dengan menyediakan pasport palsu, menjalankan sindiket penyeludupan dan pemerdagangan manusia dari Bangladesh dan Myanmar ke negara Asia Tenggara (Danish Immigration Service 2011:44).

Menurut *Asia Pacific Refugee Rights Network* (APRRN) melaporkan terdapat ramai penyeludup manusia yang aktif dalam aktiviti pemudahcara seperti menguruskan lokasi pengumpulan, penyediaan bot-bot, pengutip bayaran perjalanan, pengatur strategi dan pembawa bot-bot perjalanan etnik Rohingya untuk ke Malaysia (Lawrence, 2012). Sekiranya etnik Rohingya ditangkap di Thailand, mereka ini akan dimasukkan ke dalam tahanan selama-lamanya kerana dituduh memasuki Thailand secara tidak sah. Begitu juga dari aspek kebijakan dan perlindungan amatlah sukar untuk mendapatkan bantuan awam atau keluarga. Sehubungan

itu, dalam dekad yang lalu keadaan adalah lebih baik kerana terdapat peluang kepada Rohingya untuk perjalanan ke Arab Saudi dan negara-negara Teluk, tetapi kini keadaan menjadi lebih sukar kerana kurangnya pergerakan ke arah Timur Tengah atas faktor geografi, kestabilan politik, laluan lebih jauh dengan cabaran pelayaran serta kos tinggi penghantaran oleh agen.

Trend kini memaparkan pergerakan lebih aktif ke arah timur Malaysia dan Indonesia. *Asia Pacific Refugee Rights Network*, juga menyatakan bahawa terdapat kira-kira 30,000 etnik Rohingya telah menjadi penduduk dalam komuniti tempatan iaitu dengan menjadi pemegang kad status pelarian di Malaysia. Angka ini sebenarnya jauh lebih besar dari jumlah sebenar kerana mengikut statistik terkini KDN (2015) dan Azizah (2014), pelarian Rohingya yang terdapat di Malaysia hampir seratus ribu orang. Maka jelaslah mengapa mereka ini amat beminat untuk datang ke Malaysia kerana telah terdapatnya masyarakat dan komuniti daripada etnik mereka sendiri yang hidup selamat dan terbela.

### **Cara Orang Rohingya Memasuki Malaysia Dan Realiti Hidup Sebagai Pelarian**

Hussain merupakan salah seorang pelarian dan pemegang kad UNHCR yang menjadi respondan dalam kajian ini. Hussain dan rakan-rakan senegaranya masuk ke Malaysia pada tahun 2000 dan mendiami Thailand selama 3 tahun sebelum datang ke Malaysia. Memulakan perjalanan dari Arakan ke Bangladesh iaitu Cox Bazar kemudian menaiki kapal menuju ke Thailand. Setibanya di persisiran pantai Thailand, mereka berjalan kaki beramai-ramai selama dua jam ke kampung berhampiran untuk berteduh sementara menunggu orang tempatan untuk mengendalikan urusan mereka. Mereka ini, bekerja di Thailand sebagai pencuci di kedai makan, kerja-kerja di pasar nelayan, mengutip barang terbuang, pekerja ladang dan menjadi buruh binaan. Kemudian, beliau memasuki Malaysia melalui Rantau Panjang, Kelantan dan menunggu disana selama dua hari sebelum di bawa ke Kuala Lumpur. Hussain dan pelarian Rohingya yang lain tidak mengenali antara satu sama lain dan telah masuk secara haram, tidak mempunyai sebarang dokumen atau kad UNHCR. Dari Kelantan menaiki sebuah kereta wira seramai 13 orang termasuk seorang pemandu warga tempatan, Malaysia. Seorang telah meninggal dunia sewaktu dalam perjalanan iaitu penumpang yang berada dalam bonet belakang, disyaki lemas dan kelaparan. Sepanjang perjalanan tidak diberi makan dan minum atau berhenti untuk membuang air. Kereta hanya berhenti sebanyak tiga kali iaitu untuk mengisi minyak melalui pendengaran bunyi pam dan derusan minyak yang memasuki tangki kereta.

Situasi dalam kereta ketika itu adalah seperti ‘ikan sardin di dalam tong’. Mereka terpaksa berhimpit-himpit dari tempat duduk depan (membengkokkan badan), tempat duduk belakang baring memanjang dan bertindih-tindih sesama manusia. Begitu juga dalam bonet belakang disusun melintang dan bertindih. Kemudian dilapisi atasnya dengan kain dan barang, seolah-olah kereta itu dipenuhi barang-barang pemilik kereta. Rasa panas, lapar, kekurangan udara, berbau busuk, kekejangan dan sakit badan amat dirasai dan tidak selesa. Beliau dan rakan-rakan diberi amaran keras agar tidak berbuat bising, melakukan sebarang bunyi seperti mengetuk dinding kereta, meminta makan dan minum. Mereka juga diugut akan di tinggalkan di tepi jalan dan ditahan oleh pihak berkuasa sekiranya mengeluarkan sebarang bunyi. Rakan yang mati tidak diketahui di hantar kemana kerana selepas tiba di Kuala Lumpur, mayat tersebut dibawa pergi oleh pemandu yang tidak dikenali. Segala urusan untuk datang ke Kuala Lumpur dan siapa pemandu yang membawa mereka semuanya telah dirancang dan diuruskan oleh agen. Justeru dapat dirumuskan disini keselamatan mereka ini juga tidak terjamin dan nyawa menjadi taruhan untuk sampai ke Malaysia serta kegiatan ini turut melibatkan masyarakat tempatan sebagai agen dan pemudahcara.

Sehubungan itu, melalui sumber dan maklumat lain yang diterima, kebiasaan pelarian atau pendatang asing tanpa izin yang ingin memasuki Malaysia sememangnya menggunakan agen orang Thailand dan Malaysia. Cas kemasukan yang di kenakan oleh agen Thailand dikenakan sebanyak RM 500 setiap seorang dari Thailand ke Rantau Panjang. Manakala dari Rantau Panjang ke Kuala Lumpur bayaran dikenakan sebanyak RM 1500 untuk satu perjalanan sehala yang diuruskan oleh agen Malaysia. Disebabkan kos bayaran agen yang tinggi bagi kemasukan secara haram ini maka tidak hairanlah kebanyakan pelarian Rohingya akan transit bekerja selama dua atau tiga tahun di Thailand untuk mengumpul sejumlah wang sebelum memasuki Malaysia.

Menurut Hasan & Amir (2014), ketika mula-mula berhijrah ke Thailand, mereka tidak mempunyai rakan atau saudara di Thailand, tidak mengetahui sejauh mana keadaan di Thailand dan tidak mempunyai banyak akses untuk mendapatkan kemudahan harian. Bagi menyara kehidupan, mereka mengutip barang-barang terbuang atau terpakai di negara Thailand. Mereka juga berusaha memenuhi keperluan harian dengan mengutip sisa makanan, pakaian dan kotak sebagai alas tempat tidur namun keadaan ini dianggap sangat-sangat bersyukur kerana dapat melarikan diri daripada kesengsaraan yang lebih teruk di Myanmar.

Mereka juga sanggup melakukan apa jua pekerjaan yang sukar, kotor dan hina dipandangan umum asalkan dibayar gaji dan boleh membeli makanan. Tempat tidur lazimnya di sebuah rumah atau tapak

pembinaan atau pasar secara beramai-ramai dalam keadaan serba kekurangan. Apabila telah lama tinggal di Thailand, mereka banyak mendengar cerita dan berita tentang negara Malaysia dan diakui mengetahui bahawa telah wujud ramai masyarakat Rohingya di sana disamping amat mengetahui Malaysia sebuah negara Islam yang aman dan ‘baik’. Justeru perasaan ingin datang ke Malaysia sememangnya menjadi satu impian.

### **Tempat Tinggal dan Punca Pendapatan**

Pelarian Rohingya ini lazimnya tinggal secara beramai-ramai dengan beberapa buah keluarga berkongsi tempat tinggal dalam satu rumah. Misalnya keluarga Hussain menyewa rumah dari pemilik orang Cina dengan kadar bayaran RM 450 sebulan. Terdapat tujuh orang tinggal dalam satu rumah iaitu seorang isteri, tiga orang anak, seorang pak cik sedara yang tidak lagi bekerja (tua & uzur) dan seorang kawan pekerja binaan. Anak-anak Hussain telah hampir sebatи dengan cara, budaya dan makanan masyarakat Malaysia. Makanan kesukaan keluarga beliau adalah nasi lemak, nasi putih dengan lauk masakan Melayu dan India seperti kari, ayam masak merah, roti canai dan rojak. Beliau juga menegaskan di Malaysia, masih boleh mencari rezeki walaupun pelarian tidak dibenarkan bekerja secara formal. Namun masih boleh melakukan kerja-kerja harian seperti kutip besi, tin, kotak, mengambil upah membersihkan kawasan rumah, potong rumput, angkat barang, cuci pasar, membantu jual ikan dan sayur di pasar serta melakukan perkhidmatan roda tiga iaitu mengambil upah mengangkut barang-barang buangan ke tempat pelupusan sampah.

Purata anggaran kasar sehari pendapatan seorang pelarian Rohingya yang melakukan pekerjaan sendiri bermula dari RM20-RM30 sehari dan pada hari minggu boleh mencecah RM 50. Pada hari minggu atau cuti umum mereka mendapat pendapatan lebih kerana masyarakat Malaysia sedang bercuti dan terdapat peningkatan dalam jumlah barang buangan harian. Antara kawasan tempat kerja pelarian Rohingya yang ramai ini di sekitar Selangor adalah Hulu Langat, Ampang, Selayang dan Gombak. Mereka juga mengakui sering diganggu dan diperas ugut oleh orang India di Gombak dan Hulu Langat manakala orang Melayu tidak mengganggu kehidupan mereka dan lebih mengutamakan urusan sendiri. Sebelum mengakhiri temubual, pengkaji telah menanyakan satu soalan buat responden iaitu mengapa beliau dan rakan-rakan etnik Rohingya yang lain suka untuk tinggal dan menetap di Malaysia. Ini adalah jawapan yang telah diterima;

*‘Sebab-sebab utama saya dan rakan-rakan sewilayah datang ke Malaysia adalah kerana Malaysia sebuah negara Islam. Hidup atau mati, kami mahu di negara Islam dan mahu ditanam secara Islam. Malaysia negara selamat dan negara yang sangat baik. Disini boleh cari*


*rezeki dan telah ramai orang Rohingya hidup dengan selamat dan boleh makan serta bekerja. Thailand negara Buddha, kami tidak suka, mereka bukan Muslim. Polis Malaysia baik dan tidak bersifat mengancam, kerajaan Malaysia lebih baik daripada negara sendiri, begitu juga Perdana Menteri Malaysia sangat baik kerana suka bantu masyarakat Islam yang sedang susah. Bantu kami orang Rohingya. Kami tidak ingin pergi ke negara lain untuk penempatan semula’.*

(Pelarian Rohingya Malaysia, 2015)

Beliau juga merakamkan ribuan terima kasih kepada Polis dan kerajaan Malaysia dengan layanan yang baik dan menerima mereka tinggal di Malaysia walaupun dengan status pelarian. Harapan mereka di Malaysia untuk generasi akan datang menginginkan anak-anak Rohingya dapat menerima pendidikan formal sewajarnya seperti boleh memasuki sekolah-sekolah rendah dan menengah kerajaan supaya boleh berjaya seperti masyarakat Malaysia. Ramai anak-anak pelarian tidak dapat bersekolah dan tidak boleh membaca walaupun sudah dewasa, mereka hanya boleh bertutur dalam bahasa Melayu. Sehubungan itu, orang pelarian Rohingya juga sangat berharap diberi keizinan untuk mengambil lesen memandu motorsikal dan kereta, memiliki lesen perniagaan serta memiliki kad UNHCR untuk semua warga Rohingya bagi memudahkan kehidupan harian dan mencari rezeki.

### **Migrasi dan Implikasi Terhadap Malaysia**

Pada bulan Mei 2015 kedatangan PATI Bangladesh dan pelarian dari Myanmar dalam skala besar. Gambar rajah 1 seperti di bawah merupakan salah satu contoh kemasukan secara besar telah dicatatkan dan mendapat perhatian dunia.



Sumber: diolah daripada Media KDN Malaysia 2015.

Berikutnya dari kemasukan pelarian dan penemuan kubur mangsa pemerdagangan manusia di Perlis ianya telah menjelaskan imej Malaysia di antarabangsa sehingga telah dilabelkan sebagai negara yang lemah dari aspek kawalan sempadan. Selain itu, melalui kemasukan ini telah menyemarakkan lagi aktiviti bagi agen dan penyeludup manusia dari dalam dan luar negara. Penghijrahan pelarian sering dieksplorasi sehingga menjadi mangsa pemerdagangan manusia yang

menyebabkan mereka menderita mahupun terkorban seperti tragedi di Wang Kelian dan Padang Besar, Perlis. Selain itu, terdapat juga kubur-kubur lama yang ditemui dan diyakini masih terdapat ratusan mayat yang tertanam adalah mangsa sindiket pemerdagangan manusia.

Malaysia dan Indonesia menjadi negara destinasi pelarian Rohingya atas faktor negara-negara ini mempunyai majoriti penduduk Islam. Ini memberi keyakinan dan kepercayaan dalam mendapatkan perlindungan kerana mereka juga beragama Islam dan mempunyai ciri-ciri budaya yang sama. Menurut KDN (2015) dan Azizah (2014), pelarian Rohingya yang terdapat di Malaysia hampir seratus ribu orang. Maka jelaslah mengapa mereka ini amat beminat untuk datang ke Malaysia kerana telah terdapatnya masyarakat dan komuniti daripada etnik mereka sendiri yang hidup dan selamat. Berikut merupakan pengkelasan pelarian dan pencari suaka politik mengikut etnik dan negara di Malaysia:

**Jadual 2. Pengkelasan pelarian/ pencari suaka mengikut etnik & negara**

Etnik dari Myanmar	
Chin	49,800
Rohingya	45,170
Muslim	12,340
Rakhine, Arakan & lain-lain etnik	7,320
Jumlah (sehingga akhir Feb 2015)	114,630
Pelarian & pencari suaka politik dari rantau lain	
Sri Lanka	3,970
Pakistan	1,200
Somalia	1,100
Syria	960
Iraq	850
Iran	550
Palestin	430
Lain-lain	28,880
Jumlah (sehingga akhir Feb 2015)	37,940

Sumber: diolah dari UNHCR 2015

Jadual 2. diatas menunjukkan Malaysia telah pun menerima Pelarian Rohingya dalam jumlah yang ramai, sehingga akhir Februari negara telah mencatatkan sebanyak 114,630 pelarian telah memasuki Malaysia yang terdiri daripada etnik China, Rohingya, Muslim, Rakhine/Arakan dan lain-lain etnik. Malaysia sebenarnya telah menerima kemasukan awal Rohingya sejak tahun 1970an dan mereka ini telah berkeluarga serta mengamalkan budaya yang sama dengan masyarakat tempatan Malaysia. Tekanan tanggungjawab sosial dan misi kemanusiaan iaitu terpaksa memikul tanggungjawab berat menerima pelarian Rohingya yang mana ianya bersifat masalah jangka panjang. Secara

umumnya ancaman non-tradisional terhadap masyarakat dan negara seperti adalah seperti isu penempatan, tempat tinggal, makanan, keperluan asas, perubatan. Seterusnya masalah sosial yang perlu difikirkan dan ditangani oleh kerajaan seperti penyediaan pendidikan, kelahiran, kematian, kebajikan, penempatan semula yang sangat terhad, jenayah setempat kerana mereka tidak bekerja, tiadanya bantuan dan kerjasama dari Myanmar. Berdasarkan rekod lama penempatan terawal pelarian Rohingya menunjukkan mereka ini telah menjadi penghuni yang lama dalam negara dan telah terasimilasi dengan budaya tempatan seperti percakapan, makanan dan pakaian yang sama dengan masyarakat Melayu dan India.

Sehubungan itu, segelintir daripada mereka juga terlibat menjadi penjenayah, penyeludup dadah, ahli kongsi gelap, penyeludup manusia atau mempunyai elemen subversif. Kehadiran PATI juga telah meningkatkan kes statistik pemalsuan dokumen-dokumen perjalanan negara seperti passport, PLKS, IC, surat kelahiran, kad UNHCR dan sijil perkahwinan. Perkara-perkara ini menjadi semakin parah apabila ianya melibatkan permintaan yang sama daripada PATI daripada negara-negara lain seperti Indonesia, Filipina, India, Bangladesh, dan sebagainya. Sehubungan itu, bagi memenuhi matlamat kajian ini, beberapa cadangan diberikan bagi menangani isu pelarian Rohingya ini secara diplomatik dan strategik adalah seperti berikut: (1) Bersama melindungi semua orang yang tinggal di wilayah Rakhine. (kerjasama daripada negara-negara ASEAN dan Myanmar); (2) Membuat siasatan bebas keatas pencabulan hak asasi manusia dan membawa penjenayah ke muka pengadilan, termasuk perbicaraan mereka di mahkamah yang bebas dan saksama undang-undang; (3) Permit monitor untuk pihak antarabangsa yang berpangkalan di Myanmar, seperti wakil-wakil pasukan negara PBB, OIC dan para diplomat di Yangon serta media untuk menilai keadaan dan membuat syor untuk tindakan lanjut; (4) Pindaan undang-undang 1982 (Kewarganegaraan) supaya menerima etnik Rohingya sebagai salah satu kumpulan etnik Myanmar, menjamin hak mereka sebagai warganegara dan hak mengundi; (5) Memastikan kebebasan pergerakan, pekerjaan, hak untuk perkahwinan dan hak untuk sebuah keluarga yang kini tidak diberikan kepada Rohingya. Seterusnya memastikan bahawa pihak berkuasa tempatan dan tentera / komander polis menghentikan perilaku kekejaman seperti rampasan harta dan kerahan tenaga sebagai buruh paksa.

## Kesimpulan

Pelarian Rohingya perlu dibantu atas dasar kemanusian dan sebagai tanggungjawab bersama sesama manusia. Bagi pandangan pengkaji, Malaysia, ASEAN dan UNHCR perlu mewujudkan satu model yang berkesan

dan bekerjasama dalam menangani isu ini dengan menyediakan pelan tindakan untuk menyelamatkan etnik Rohingya secara menyeluruh bagi melindungi nyawa, mengenalpasti keberadaan semasa mereka, mendapatkan statistik tepat jumlah mereka di negara transit dan berusaha keras dalam mendapatkan kerjasama dari pihak negara Myanmar sehingga menerima mereka sebagai warganegara dengan jaminan keselamatan insan. Jika isu ini tidak diselesaikan maka selagi itulah negara-negara ASEAN akan terus dibelenggu masalah jangka panjang bersifat berterusan melalui kebanjiran pelarian dari Myanmar. Bagi anak-anak pelarian Rohingya, mereka ini perlukan bantuan yang lebih khusus terhadap peningkatan pendidikan asas daripada mengenal huruf, membaca, mengira dan pengisian rohani kepada penguasaan ilmu kemahiran seperti bertukang, memasak, menjahit, bertani dan sebagainya agar mereka ini bersedia menuju masa hadapan yang tidak menentu namun sekurang-kurangnya bekalan asas telah diterima. Ilmu merupakan satu keperluan hidup, kecelikan akal fikiran merupakan hadiah yang sangat bermakna untuk membina masa depan.

## Rujukan

- Amarjit Kaur. 2014. Managing Labour Migration in Malaysia: Guest Worker Programs and the Regularisation of Irregular Labour Migrants as a Policy Instrument. *Asian Studies Review*. 38(3) 345:366.
- Amartya Sen. 1999. Development as Freedom. New York: Oxford University Press.
- Anon. 2011. *Rohingya refugees in Bangladesh and Thailand: Fact finding mission to Bangladesh and Thailand*. Copenhagen: Danish Immigration Service.
- Azizah Kassim. 2014. Sesi perbincangan meja bulat: keselamatan negara: isu pekerja asing dan cabaran semasa. Anjuran: Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Majlis Profesor Negara (MPN) & Northern Corridor Research Center (NCRC), Universiti Utara Malaysia (UUM). Palm Garden Hotel, Putrajaya.
- Alwi Bin Hj. Ibrahim. *Kebanjiran Pati Rohingya Dan Bangladesh Di Langkawi*. Putrajaya: Kementerian Dalam Negeri (KDN). Kenyataan Media. 12 MEI 2015. [http://www.moha.gov.my/index.php/ms/kenyat\\_aan-media-akhbar/2200-kebanjiran-pati-rohingya-dan-bangladesh-di-langkawi](http://www.moha.gov.my/index.php/ms/kenyat_aan-media-akhbar/2200-kebanjiran-pati-rohingya-dan-bangladesh-di-langkawi). [23 Jun 2015]
- Abid Bahar. 2010. *Burma's Missing Dots: The Emerging Face of Genocide*. United Kingdom: Xlibris Corporation LLC.
- Trout, B.T. & Hart, E. J. 1982. National Security Affairs: Theoretical Perspectives and Contemporary Issues. Anon: Council on Economics and National Security.
- Maung Maung. 1961. *Burma's Constitution. Second edition*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Chris Lewa. *Issues to be Raised Concerning the Situation of Rohingya Children in Myanmar (Burma)*. Form- Asia, Nov. 2003.
- Moshe Yega. 2002. *Between Integration and Secession: The Muslim Communities of the Southern*. United State of America: Lexington Books.
- Habib Siddiqui. 2006. *What is Happening in Burma?* [http://www.albalagh.net/current\\_affairs/0090.shtml](http://www.albalagh.net/current_affairs/0090.shtml) [20 Jun 2015]
- Lawrence. 2012. Asia Pacific Refugee Rights Network statement on the situation in the Rakhine State of Myanmar. <http://aprrn.info/asia-pacific-refugee-rights-network-statement-on-the-situation-in-the-rakhine-state-of-myanmar/> [9 September 2015]
- Zaain Zin. 2015. Komando VAT 69 geledah sempadan. Utusan Online 19 Mei 2015. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/komando-vat-69-geledah-sempadan-1.93508> [12 Ogos 2015].

## Temubual

- Hussain dan rakan-rakan. Pelarian Rohingya Myanmar. Hulu Langat. [Januari 2015]
- Amir. Pelarian Rohingya Myanmar. Gombak. [September 2014].
- Hasan. Pendatang asing tanpa izin Myanmar.Gombak [September 2014].
- Haji Mohd Azmi b Abdul Hamid. Presiden Majlis Pertubuhan Islam Malaysia. UKM Bangi [3 Jun 2015].